

27/04/2000

Langkah agresif banteras politik wang

GEJALA politik wang yang sudah mula dapat ditangani dalam Umno, mungkin menjadi bertambah buruk sekiranya tidak ada tindakan berterusan untuk membanterasnya. Pelbagai cara sudah dicuba tetapi belum ada yang benar-benar berkesan. Walaupun pelbagai tindakan dilakukan sebelum ini, mereka yang melakukan perbuatan itu masih tidak menunjukkan rasa gentar, akibat terlalu ghairah untuk menjawat jawatan dalam parti. Mereka beranggapan perwakilan begitu mudah dikelabui dengan wang, projek atau janji manis yang boleh menjamin masa depan mereka.

Politik wang atau lebih menjurus kepada perbuatan rasuah bertali arus pada semua peringkat. Ia begitu menakutkan hingga ada yang beranggapan untuk berjuang dalam Umno seseorang perlu mempunyai wang yang banyak. Bagi sesetengah ahli politik, penggunaan wang sudah menjadi amalan. Cuma, kepada umum, mereka yang terbabit dalam pertandingan jawatan parti sering mendakwa mereka tidak mempunyai wang untuk ditabur kepada perwakilan. Pada masa yang sama mereka menuding jari kepada calon yang bertanding jawatan yang sama kononnya menggunakan wang untuk meraih undi.

Semua ini bertujuan untuk menunjukkan merekalah pemimpin yang boleh dipercayai berbanding calon lain yang kononnya mengamalkan politik wang. Sama ada wang benar-benar digunakan atau sebaliknya, sukar dibuktikan. Masing-masing menggunakan mekanisme tersendiri untuk menghulurkan bantuan. Apa yang didengar sebelum ini ada yang memasukkan wang dalam akaun bank seseorang, membelikan telefon bimbit, menaja pemergian umrah, lawatan ke luar negara dan sebagainya. Paling tidak, wang yang begitu banyak dibelanjakan untuk perwakilan menginap di hotel mewah dan makan-minum di coffee house atau setidak-tidaknya mengadakan kenduri-kendara.

Menjelang pemilihan jawatan penting bulan depan, Umno mungkin menjangkakan bahawa penggunaan wang secara berleluasa mungkin berulang sekali lagi. Lebih ramai calon, lebih banyaklah wang yang akan ditaburkan. Ini adalah gejala tidak sihat yang melanda Umno, seolah-olah wang menjadi penentu mutlak kepada mutu kepemimpinan seseorang calon. Perwakilan pula mengambil kesempatan kerana inilah masanya mereka dapat mengumpul sebanyak mungkin wang yang diterima dari pelbagai sudut. Secara tidak langsung ia mengajar perwakilan menjadi golongan yang hipokrit. Mereka akan berikrar menyokong siapa saja yang menghulurkan habuan kepada mereka.

Menyedari keburukannya, Umno tidak sewajarnya membiarkan gejala ini berpanjangan kerana ia hanya akan membuatkan rakyat muak. Pemilihan dalam Umno hanya sebahagian daripada proses demokrasi kerana rakyatlah yang akan menentukan jangka hayat Umno dalam pilihan raya umum lima tahun sekali. Umno seharusnya kekal sebagai parti yang dihormati dan segala unsur yang boleh merosakkan nama parti, perlu dihapuskan hingga ke akar umbi.

Seboleh mungkin, penggunaan wang untuk menjawat sesuatu jawatan hendaklah ditutup terus dalam apa juga urusan parti. Ia langsung tidak memberi kebaikan kepada Umno yang lebih dikenali sebagai sebuah parti yang berjuang untuk kepentingan bangsa, agama dan negara. Ikrar yang dibuat oleh semua calon yang bertanding jawatan dalam parti pada perhimpunan agung parti itu termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, boleh dianggap berkesan. Ia jelas menunjukkan semangat pertandingan yang sihat dalam sistem kepartian - pertandingan keluarga. Mereka yang melakukan perbuatan yang bertentangan dengan semangat ikrar berkenaan, akan dihukum perwakilan.

Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad yang akan mendedahkan nama mereka yang menggunakan wang dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung parti itu kelak. Kenyataan Dr Mahathir itu memberi peringatan bahawa menjelang pemilihan jawatan kali ini, tidak perlulah calon-calon berkempen dengan apa cara sekali pun, semata-mata untuk menang. Perwakilan sudah mengenali mereka dan pemilihan mereka adalah berasaskan kepada merit dan daya kepemimpinan yang tinggi.

Cuma, apa yang perlu diperhatikan ialah kemungkinan ada ejen yang menyamar kononnya diarah oleh calon tertentu, menjalankan kempen dengan niat untuk memburuk-burukkan calon berkenaan. Mesej Dr Mahathir adalah jelas. Selain politik wang, apa juga unsur percaturan politik sama ada untuk menaikkan imej diri atau merosakkan nama baik calon lain, perlu dielakkan. Tidak perlulah mana-mana pihak cuba bersembunyi kerana apa juga tindakan dan motif mereka akan dapat dikesan juga akhirnya.

(END)